

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR  
MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status bertambahnya rakyat telah tergolong masalah kesihatan seperti obesiti dan diabetes akibat terlalu lama menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2019 menganggarkan, terdapat sebanyak 18.3% atau 3.9 juta rakyat Malaysia menghidapi kencing manis atau diabetes dan hanya separuh daripada mereka mengetahui status penyakit tersebut. Kajian yang sama juga menganggarkan sebanyak 50.1% atau 10 juta dewasa mempunyai masalah berat badan berlebihan atau obes.

2. Manakala menerusi kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2020 pula, dianggarkan sebanyak 54.2% penduduk dewasa mempunyai masalah berat badan berlebihan atau obes, meningkat 4% daripada NHMS 2019. Data yang diperoehi ini boleh digunakan sebagai proksi prevalen obesiti sementara menunggu kajian NHMS seterusnya pada tahun 2023. Prevalen diabetes juga dijangka bertambah akibat kemerosotan faktor risiko NCD.

Sekian, terima kasih.